

**RANCANGAN PERNIAGAAN
ETR 300**

**PEMBUAT CATALYTIC CONVERTER
'X-TRACTOR SDN. BHD.'**

DISEDIAKAN OLEH:

AHMAD NAJIB BIN DATO' MURAD	95513998
JAMIE AZMAN BIN AZLAN	94976599
MAS RUDY BIN MOHAMAD	95731504
MOHD ZAHIR BIN TAIB	95435171
MOHD HAMRI BIN ABIDIN	95988172

KANDUNGAN

TAJUK

MUKASURAT

SURAT PENYERAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
LOGO SYARIKAT	x
PENGENALAN	1
TUJUAN PERNIAGAAN	3
LATAR BELAKANG SYARIKAT	5
LATAR BELAKANG PEMEGANG SAHAM	8
LATAR BELAKANG PROJEK	14
RANCANGAN PENTADBIRAN	19
RANCANGAN PEMASARAN	38
RANCANGAN OPERASI	57
RANCANGAN KEWANGAN	76
PENUTUP	95
LAMPIRAN	

PENGENALAN

Udara merupakan salah satu sumber alam yang amat penting bagi manusia, kebersihan udara amat penting kerana udara yang tercemar akan membawa berbagai masalah kepada manusia seperti penyakit, jerebu dan sebagainya. Oleh itu udara yang bebas dari pencemaran adalah faktor utama yang menjamin kehidupan yang selesa.

Pada zaman yang pesat membangun seperti sekarang pencemaran banyak berlaku akibat kandungan asap yang berlebihan didalam udara. Ini adalah disebabkan oleh asap dari aktiviti-aktiviti kilang dan juga asap dari kenderaan. Kadar pencemaran udara semakin hari semakin bertambah disebabkan pertambahan dalam jumlah kilang dan juga jumlah kenderaan. Menyedari hakikat ini, kami menubuhkan sebuah syarikat X-Tractor Sdn. Bhd. untuk mengeluarkan satu alat yang dapat mengawal kadar pencemaran dari asap kereta.

Syarikat X-Tractor Sdn. Bhd adalah sebuah syarikat bumiputera yang mengeluarkan barang yang dapat mengawal kadar pencemaran udara. Barang yang dimaksudkan adalah pemangkin plumbum atau *catalytic converter*. Alat ini berfungsi untuk mengawal kadar plumbum yang keluar dari asap kereta serta gas-gas beracun yang lain seperti karbon monoksida. Beberapa negara lain seperti Amerika Syarikat, Jepun dan beberapa buah negara Eropah telah mewajibkan penggunaan catalytic converter bagi setiap kereta di negara tersebut bagi mengawal kadar pencemaran.

Dengan itu syarikat X-Tractor Sdn. Bhd telah mengeluarkan *catalytic converter* memandangkan kerajaan negara Malaysia juga akan menjadikan catalytic converter sebuah aksesori wajib sedikit masa lagi bagi mengawal kadar pencemaran di negara ini. Penubuhan syarikat ini yang dikhususkan untuk mengeluarkan *catalytic converter* secara tidak langsung dapat menjadi salah satu kaedah untuk mengawal pencemaran udara khasnya dari asap kenderaan. Dengan segala daya usaha yang berterusan tanpa mengenal jemu dari kami , kami yakin dapat mengawal kadar pencemaran udara dengan penggunaan barang keluaran syarikat kami.....insyaallah.....amin!

TUJUAN PERNIAGAAN

Permohonan pembiayaan kewangan

- a) Penyediaan rancangan perniagaan ini adalah bertujuan untuk memberi gambaran yang jelas kepada pihak institusi kewangan agar dapat menyakinkan mereka bahawa Syarikat X-Tractor Sdn. Bhd. merupakan sebuah syarikat yang dapat bergerak maju serta menguntungkan. Di samping itu ianya adalah untuk memudahkan pihak kami untuk memohon sebarang bentuk pinjaman pada masa akan datang.
- b) Sebagai rujukan dan panduan kepada setiap individu yang terlibat dalam kegiatan perniagaan ini dalam menyelesaikan sebarang masalah yang timbul semasa aktiviti perniagaan dijalankan.
- c) Menjadikan X-Tractor Sdn. Bhd. sebagai sebuah pusat pengeluaran *catalytic converter* yang terbaik di negara ini serta mempunyai pengurusan yang sistematik seterusnya dapat mengekalkan nama baik perniagaan di kalangan pelanggan.
- d) Meyakinkan pihak pembekal bahan mentah dan pemborong agar tidak ada sebarang prasangka negatif disamping dapat terus mewujudkan ikatan perniagaan dalam jangka masa panjang.

LATAR BELAKANG SYARIKAT

Nama : X-Tractor Sdn. Bhd.
Alamat : Lot A 97, Jalan 4 A
Kawasan Perusahaan Sungai Lalang
08000 Sungai Petani
Kedah
No. telefon : 604-4581590
No. faks : 604-4581591
Bentuk syarikat : Syarikat Sendirian Berhad
Kegiatan utama : membuat catalytic converter untuk kereta
Tarikh pendaftaran : 13 Mei 1999
Tarikh mula operasi : 1 Julai 1999
Pengerusi : Ahmad Bin Yahaya
Setiausaha : Hajjah Shamsiah Binti Ibrahim
Modal berbayar : RM 360000
Modal dibenarkan : RM 500000